



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>TEKNOLOGI BINAAN 2</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DSB 1083</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>APRIL 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (30 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
  
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**.  
Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja dari **BAHAGIAN C**. Anda dikehendaki mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.
  
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*






---



**BAHAGIAN A (10 MARKAH)**


**BAHAGIAN INI MENGANDUNGI DUA (2) SOALAN SAHAJA. JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BUKU JAWAPAN.**

1. Namakan setiap rajah pada Jadual 1 di bawah dengan tepat.

Tembok Penahan	Nama
	<p>1) .....</p>
	<p>2) .....</p>
	<p>3) .....</p>
	<p>4) .....</p>
	<p>5) .....</p>

JADUAL 1


2. Labelkan Rajah 1 di bawah dengan tepat.



**BAHAGIAN B (30 MARKAH)**

**BAHAGIAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN (9) SOALAN. JAWAB SEMUA SOALAN DI DALAM BUKU JAWAPAN.**

1. Berikan definisi dinding dan Tembok Penahan.  
(4 markah)
2. Nyatakan **TIGA (3)** ciri-ciri dalam pembinaan tembok penahan.  
(3 markah)
3. Sebutkan **EMPAT (4)** bahan yang digunakan dalam pembinaan dinding dan tembok penahan.  
(4 markah)
4. Anai-anai merupakan serangga yang paling banyak menyebabkan kerosakan pada bangunan. Terangkan **DUA (2)** cara mengawal dan mencegah serangan anai-anai.  
(3 markah)
5. Sebutkan **DUA (2)** contoh bukaan yang terdapat pada dinding.  
(2 markah)
6. Labelkan **Rajah 2** di bawah dan terangkan setiap satu binaan yang telah dilabelkan.  
(4 markah)



**RAJAH 2 : TEMBOK**

7. Nyatakan **TIGA (3)** faktor dalam pemilihan jenis bumbung.  
( 3 markah)
8. Nyatakan **TIGA (3)** fungsi tingkap dalam pembinaan bangunan.  
( 3 markah)
9. Lakarkan **DUA (2)** gambarajah yang menunjukkan jenis-jenis tingkap.  
( 4 markah)

**BAHAGIAN C (40 MARKAH)**

**BAHAGIAN INI MENGANDUNGI LIMA (5) SOALAN. JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA.**


**SOALAN 1 (10 MARKAH)**

Lantai merupakan permukaan dasar bangunan yang menerima segala aktiviti penghuni dan beban. Pembinaan lantai perlu selamat dan selesa kepada penghuni.

a) Berikan **TIGA (3)** ciri utama yang patut dipertimbangkan bagi pembinaan lantai. (3 markah)

b) Labelkan jawapan yang tepat pada **Rajah 3** di bawah.


( 7 markah )



**RAJAH 3 : LANTAI**


**SOALAN 2 (10 MARKAH)**

Rajah 4 di bawah menunjukkan kaedah pemasangan jubin pada lantai. Kemasan pada lantai akan menyerlahkan kecantikan lantai serta memberi kesenangan untuk kerja-kerja membersih.



**RAJAH 4 : KEMASAN LANTAI**

- a) Nyatakan **EMPAT (4)** jenis kemasan lantai selain jubin. (4 markah)
- b) Terangkan secara ringkas **TIGA (3)** sahaja kemasan lantai yang telah anda sebutkan daripada jawapan di atas. Lakarkan rajah jika perlu. (6 markah)

**SOALAN 3 (10 MARKAH)**

**RAJAH 4 : TEMBOK PENAHAN**

Rajah 4 di atas menunjukkan tembok penahan yang dibina untuk mengelakkan tanah runtuh.



- a) Nyatakan **DUA (2)** faktor yang menyebabkan kejadian tanah runtuh. (3 markah)
- b) Di bahagian hadapan tembok penahan, longkang perlu dibina. Apakah tujuan atau fungsi longkang tersebut? (2 markah)
- c) Terangkan secara ringkas tembok penahan graviti. Lakarkan rajah tembok tersebut. (5 markah)

**SOALAN 4 (10 MARKAH)**

- a) Nyatakan **EMPAT (4)** ciri-ciri bumbung bangunan. (4 markah)
- b) Sebutkan **TIGA (3)** jenis bumbung yang telah dipelajari. (3 markah)
- c) Lakarkan **SATU (1)** jenis bumbung yang disebut di atas. (3 markah)

**SOALAN 5 (10 MARKAH)**

Penutup dinding perlu dipasang bagi pelbagai tujuan dan fungsi yang penting. Bagi penutup dinding kayu, kayu disambung secara tanggam dan paku mengikut kesesuaian.

- a) Terangkan **TIGA (3)** fungsi penutup dinding. (6 markah)
- b) Lakarkan **DUA (2)** rajah penutup dinding. (4 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

